

Arul Kanda tampil beri keterangan kepada PAC hari ini
Malaysian Insider
Dec 1, 2015

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) Arul Kanda Kandasamy hari ini tampil memberi keterangan buat kali pertamanya kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Arul dilihat tiba di bangunan Parlimen kira-kira jam 10.30 pagi dan prosiding terus bermula jam 11 pagi di hadapan Pengerusi PAC Datuk Hasan Arifin dan ahli jawatankuasa PAC.

"Ya, kami sudah bersedia untuk prosiding," kata Arul ringkas sambil tersenyum di dalam bilik sidang media sebelum prosiding bermula.

Sidang media dijangka diadakan 2 petang ini.

Sebelum ini dilaporkan, Arul dipanggil PAC sebanyak 2 kali iaitu pada Mei dan Ogos untuk memberi keterangan berkaitan syarikat berkenaan namun beliau gagal menghadirkan diri.

Semalam, PAC memanggil bekas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi untuk memberi keterangan berkaitan pembentukan 1MDB, yang dilapor berlaku dalam 2009 ketika di bawah pengurusan beliau.

Hasan dilapor sebagai berkata Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB dijangka dibentangkan kepada pihaknya pada 17 Disember ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan memanggil Pengerusi 1MDB Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk memberi keterangan kepada PAC selepas mendengar Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

Oleh yang demikian, katanya, laporan lengkap 1MDB dijangka siap sepenuhnya oleh PAC pada Mac 2016. – Bernama, 1 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/arul-kanda-bertemu-pac-hari-ini>